



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 29 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERUNTUKAN KECEMASAN RM50,000 BAGI PEMBINAAN JETI SEMENTARA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2. 3.	NANAS BERPOTENSI DIEKPORT KE TIMUR TENGAH, SH -ONLINE GOLONGAN B40, ASNAF DIGALAK CEBURI TANAMAN NANAS – ZAWAWI, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
4.	KACANG POI ELAK SAKIT JANTUNG, BH -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN (MARDI)
5.	MINGGU TERBUKA PERTANIAN KILAN BERI MANFAAT KEPADA PENGUSAHA PERTANIAN, BORNEO DAILY -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Peruntukan kecemasan RM50,000 bagi pembinaan jeti sementara



RUNTUH: Keadaan jeti Kampung Lobong Pulau Gaya yang runtuh semasa lawatan terbabit.

KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) meluluskan peruntukan kecemasan RM50,000 bagi pembinaan jeti sementara jeti Kampung Lobong Pulau Gaya di sini.

ADVERTISEMENT

Tindakan itu dilaksanakan selepas jeti terbabit runtuh pada lawatan kerja Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid semasa menyampaikan Bakul Makanan kepada nelayan di Pulau Gaya di sini.

Turut hadir dalam lawatan itu ialah Ketua Pengarah LKIM Yusoff Othman, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Mohd Khairuzamri M.Salleh dan Pengarah LKIM Sabah Mohd Jamil Abdullah.

Sementara itu Yusoff berkata usaha terbabit adalah bagi kemudahan penduduk setempat yang kebanyakannya adalah nelayan tradisional.

“Jeti tersebut dibina mengikut peruntukan Parlimen Putatan yang mana jeti tersebut digunakan oleh kira-kira 350 penduduk Kampung Lobong.

“LKIM akan membina jeti baharu dengan peruntukan khas kecemasan untuk menggantikan semula jeti yang runtuh terbabit,” katanya.

Tambahnya MAFI melalui LKIM sentiasa peka dan prihatin kepada kumpulan sasar terutama keluarga nelayan untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan kebajikan nelayan di seluruh Malaysia terutama di Sabah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Nanas berpotensi dieksport ke Timur Tengah



Nik Muhammad Zawawi (dua dari kanan) menyampaikan cek bantuan penanam nanas kepada penerima semasa merasmikan program promosi makan buah nanas segar dan agihan ayam nanas Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Kelantan di Pasir Puteh pada Sabtu.

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) bercadang untuk mengeksport nanas ke negara Timur Tengah bagi membantu

meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, nanas merupakan makanan bagi golongan elite di Timur Tengah dan ia sangat digemari kerana khasiatnya.

"Jika kita boleh menghasilkan pengeluaran nanas yang banyak, saya mencadangkan nanas ini dipasarkan ke hotel-hotel di sana.

"Bukan sahaja hotel bertaraf lima bintang tetapi tiga atau empat bintang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program promosi makan buah nanas segar dan agihan ayam nanas Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Kelantan di sini pada Sabtu.

Menurut beliau, cadangan tersebut juga diharap dapat membantu meningkatkan harga nanas di pasaran tempatan yang kini dijual antara RM10 hingga RM13 sebiji.

Ujarnya, cadangan itu juga selaras dengan hasrat MAFI dalam usaha meningkatkan purata pendapatan pengusaha nanas daripada RM5,000 sebulan kepada RM8,000 sebulan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Tambah beliau, MAFI menyasarkan akan meluaskan lagi tanaman itu sehingga 20,000 hektar menjelang tahun 2025 berbanding 17,000 hektar sebelum ini kerana permintaan tinggi terhadap nanas.

"Terutamanya nanas MD2, Madu Kaca dan Nanas Cobek yang mempunyai potensi besar untuk dieksport selain bagi pasaran tempatan.

"Permintaan terhadap nanas negara menunjukkan aliran peningkatan yang kukuh berdasarkan nilai eksport pada tahun lepas dengan berjumlah RM1.1 bilion berbanding RM642 juta pada tahun sebelumnya," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kelantan mampu menjadi antara pengeluar nanas utama negara bagi menampung permintaan domestik dan antarabangsa.

AM

Golongan B40, Asnaf digalak ceburi tanaman nanas - Zawawi



Foto: Muzammar Yusoff/Bernama. (Muzammar Yusoff/Bernama)

29/10/2022 05:48 PM

PASIR PUTEH, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan menggalakkan golongan B40 dan asnaf di negara ini supaya menceburi bidang pertanian, iaitu tanaman nanas secara individu atau berkumpulan bagi menjana pendapatan ekonomi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata hal ini kerana pendapatan sebulan pekebun nanas, mampu melonjak daripada RM5,000 sebulan kepada RM8,000 sebulan perhektar, berikutan permintaan tinggi dari luar negara.

"Eksport nanas negara dijangka terus berkembang pada kadar lima peratus setahun, susulan daripada permintaan tinggi terhadap buah nanas segar serta produk pengetinan nanas.



secara percuma melalui program Pengukuhan Tanaman Nenas Bernilai Tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program Promosi Makan Buah Nenas Segar dan agihan Ayam Nenas Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM) Negeri Kelantan Tahun 2022, di Dewan Terbuka Majlis Daerah Pasir Puteh, di sini, hari ini, yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LPNM Onn Abdul Shukur Tahiruddin.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata kerajaan juga akan mempergiatkan lagi sektor industri nenas, melalui inisiatif serta bantuan kepada pengusaha-pengusaha terlibat.



"Selain itu, penglibatan syarikat swasta dan agensi pembiaya seperti Agrobank akan diperluaskan lagi dengan kerjasama LPNM, bagi memastikan terdapat penglibatan pengusaha baru terutamanya golongan muda sebagai peserta projek," katanya.

Beliau berkata bagi industri nenas di Kelantan pula, sebanyak RM10,000 diberikan kepada lima peserta di bawah Projek Transformasi Teknologi Dan Pengurusan Tanaman Nenas.

"Antara insentif yang diberikan adalah bahan tanaman, input pertanian dan peralatan pertanian, yang mampu meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti hasil pengeluaran buah nenas, dengan penggunaan teknologi yang lebih efisien," katanya.

- BERNAMA



Headline	Kacang poi elak sakit jantung		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Zon	Circulation	82,252
Page No	33	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,272
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,816



Kacang poi elak sakit jantung

Oleh Farah Marshita Abdul Pateh dan Nurailikah Afilya Hassan
hdnews@sehh.com.my

Kacang bambara atau lebih dikenali sebagai 'kacang poi' adalah tanaman yang masih asing dalam kalangan petani di Malaysia, namun ia berpotensi meningkatkan sekuriti makanan negara.

Berasal dari Afrika sub-Sahara, kacang bambara sangat terkenal sebagai hidangan yang tinggi dengan kandungan protein, karbohidrat dan mineral.

Menurut pegawai penyelidikan katan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Mohd Zulkhairi Azid, pasaran kekacang di negara ini dijangka melangkaui kepada 3.1 peratus pada 2023.

Katanya, 61 peratus rakyat di

negara ini sudah mula bertukar kepada pemakanan yang bergesakan tumbuhan.

"Selain itu, purata pemakanan kacang dalam kalangan masyarakat juga adalah tinggi, iaitu sebanyak 1 kilogram (kg) setahun.

"Oleh itu, kacang bambara adalah tanaman yang sangat sesuai bagi meningkatkan sekuriti makanan negara memandangkan ia sangat mudah untuk ditanam," katanya kepada *BH*.

Beliau ditemui selepas Majlis Pelancaran Produk Inovasi MARDI pada Hari Inovasi MARDI 2022 di Serdang, baru-baru ini yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan dan Industri Makanan I. Datuk Seri Ahmad Hainzah.

Beliau berkata, kacang bambara

tidak memerlukan penjagaan yang rumit, malah boleh ditanam di kawasan tanah kering dan kering.

Katanya, tanaman itu juga mempunyai daya tahan tinggi terhadap iklim kemarau.

"Kacang bambara juga mempunyai kandungan potassium yang tinggi berbanding pisang, kacang merah dan kacang tunggak (kacang mata hitam).

"Di Afrika, penduduk miskin luar bandar mengamalkan pemakanan kacang bambara bagi menggantikan protein hewani yang sukar didapati," katanya.

tinggi kandungan asid lemak

Tambah Mohd Zulkhairi, antara kelebihan kacang bambara juga tinggi dengan kandungan asid lemak yang dapat menurunkan berat badan, mengurangkan



▲ Kacang poi adalah tanaman yang sangat sesuai bagi meningkatkan sekuriti makanan negara.

risiko penyakit jantung dan meningkatkan fungsi kognitif. Katanya, hasil penyelidikan juga mendapati berbanding kacang badam, pengambilan kacang bambara tidak akan menyebabkan batu karang dalam buah pinggang.

Setiap 100 gram kacang bambara mampu memberikan 407 kalori tenaga dan 17.1 miligram protein.

"Ia juga mempunyai nilai nutrisi yang lengkap dan boleh membantu mengurangkan pemakanan tidak seimbang dan menambah baik nutrisi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2022	BORNEO DAILY	ONLINE	

Minggu Terbuka Pertanian Kilan beri manfaat kepada pengusaha pertanian



SIMBOLIK.... Ernie (tengah) bersama Marysia (kiri) dan Catherina memotong sayur sawi simbolik perasmian penutupan Minggu Terbuka Taman Pertanian.

LABUAN: Minggu Terbuka Pertanian Kilan yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian Labuan dengan kerjasama beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi manfaat berguna kepada pengusaha pertanian di pulau ini.

Pengerusi Perbadanan Labuan, Datuk Bashir Alias berkata, program tersebut bukan sahaja dapat memberi peluang kepada pengusaha pertanian untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai perkongsian pengembangan teknologi, kreativiti dan inovasi tetapi juga dapat mempromosikan Taman Pertanian Kilan sebagai lokasi Agropelancongan kepada pengunjung.

“Kita harapkan segala ilmu yang didedahkan boleh dijadikan informasi terkini untuk diaplikasikan sekaligus membantu pengusaha pertanian mengembangkan hasil pertanian mereka” katanya sempena Majlis Perasmian Penutupan Minggu Terbuka Taman Pertanian Kilan, di sini, pada Khamis.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi Perbadanan Labuan, Ernie Mohammad.

Pada majlis itu turut diadakan penyampaian Anugerah Pengusaha tanaman dan Agropreneur Muda kepada tiga pengusaha pertanian.

Mereka terdiri daripada Tommy Teo Whee Phin yang menerima anugerah Pengusaha Berwawasan, puan Sweni Bagang menerima anugerah Pengusaha Tani terbaik dan puan Azlin A. Manan menerima anugerah Peserta Agropreneur Muda.

Hadir sama pada majlis itu Pengarah Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan, Marysia Modingin dan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Wilayah Persekutuan Labuan, Catherina Edward.

SIMBOLIK.... Ernie (tengah) bersama Marysia (kiri) dan Catherina memotong sayur sawi simbolik perasmian penutupan Minggu Terbuka Taman Pertanian.

2.ANUGERAH... Tommy (tiga dari kiri), Sweni (dua dari kiri) dan Azlin (tiga dari kanan) bersama sijil anugerah yang dimenangi.